KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **25 Jun 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS

TARIKH: 25/6/2026

M/SURAT: 6

# Permohonan tuntutan bayaran balik tunai diesel mulai 1 Julai

**PUTRAJAYA** – Kerajaan bersetuju membuka permohonan tuntutan bayaran balik tunai diesel di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bermula 1 Julai ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, keadaan itu berikutan kerajaan mengambil maklum proses pengeluaran dan penghantaran *fleet card* oleh syarikat minyak lazimnya mengambil masa dua hingga tiga minggu.

Katanya, proses itu juga bergantung kepada semakan dan pengurusan dalaman syarikat minyak masing-masing.

"Kemudahan itu disediakan bagi membolehkan syarikat layak di bawah sektor pengangkutan darat awam dan barangan membuat tuntutan perbezaan harga diesel yang telah dibeli pada harga runcit tanpa subsidi dengan harga diesel bersubsidi SKDS sepatutnya dinikmati sementara menunggu *fleet card* diterima.

"Pembayaran balik tunai akan dikreditkan ke dalam akaun bank syarikat oleh Kementerian Kewangan dalam tempoh 15 hari bekerja selepas proses semakan selesai oleh pentadbir SKDS," katanya dalam kenyataan semalam.

Armizan berkata, kelayakan permohonan tuntutan bayaran balik tunai diesel juga bergantung kepada beberapa syarat termasuk terbuka kepada pemohon SKDS sektor pengangkutan darat awam dan barangan di Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Syarikat perlu mengemukakan bukti telah mendaftar di bawah SKDS dan telah memohon *fleet card* sebelum atau pada 30 Jun 2026.

"Pembayaran balik tunai ini untuk tempoh pembelian diesel bermula 1 sehingga 31 Julai atau sehingga tarikh *fleet card* diterima syarikat pengangkutan, iaitu yang mana lebih awal," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 17



FUZIAH memeriksa minyak masak subsidi sempena lawatan kerja di sebuah kilang di Muar, semalam.

TANGANI ISU KETIRISAN MINYAK MASAK PEKET BERSUBSIDI

# KPDN teliti perluas mekanisme POS

Oleh Azizi Majid
am@hmetro.com.my

**Muar**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang meneliti untuk memperluaskan pelaksanaan mekanisme Point of Sale (POS) ke seluruh negara susulan keberkesanannya dalam menangani isu ketirisan minyak masak peket bersubsidi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, berkata model yang diperkenalkan KPDN Johor itu berjaya menstrukturkan semula rantaian pengedaran minyak masak bersubsidi dengan membolehkan bekalan disalurkan terus daripada syarikat pembungkusan semula kepada POS tanpa melalui pemborong.

Katanya, pelaksanaan mekanisme itu bersama sistem eCOSS bukan sahaja meningkatkan pemantauan dan pematuhan industri, malah menutup ruang ketirisan yang sebelum ini dikenal pasti berlaku di peringkat pemborong.

"Melihat kepada keberkesanan sistem POS dan eCOSS dalam mengurangkan ketirisan, meningkatkan pemantauan serta memastikan kestabilan bekalan kepada pengguna, KPDN akan meneliti kesesuaian untuk menjadikan model Johor ini sebagai amalan terbaik yang boleh diperluaskan ke negeri-negeri lain.

"Keberkesanan sistem ini turut dibuktikan apabila tiada aduan berkaitan masalah bekalan minyak masak peket bersubsidi diterima sejak pelaksanaannya bermula pada Mei 2025," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke kilang Keng Seng Chan Trading Sdn Bhd di sini yang menjadi antara syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi di negeri ini, semalam.

Menurutnya, Johor adalah negeri perintis bagi projek agihan kuota minyak masak bersubsidi yang bermula pada Mei tahun lalu dan kini mempunyai 95 POS yang beroperasi di seluruh negeri.

Katanya, sebanyak 18 syarikat pembungkusan semula terbabit dalam pengagihan keseluruhan 1,154 tan metrik minyak masak peket bersubsidi setiap bulan di Johor.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 17

# Transport companies awaiting fleet cards allowed to apply for diesel reimbursement claims from July 1

Bernama

PUTRAJAYA (June 24): The government has agreed to open applications for diesel cash reimbursement claims under the Subsidised Diesel Control System (SKDS) from July 1 for eligible public and goods land transport companies in Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan that have yet to receive their fleet cards.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the facility would allow eligible companies to claim reimbursement for the difference between the retail price of unsubsidised diesel and the subsidised SKDS diesel price they would have enjoyed, while awaiting the issuance of their fleet cards.

He said the use of fleet cards under the SKDS to access diesel subsidies would take effect in tandem with the nationwide implementation of targeted diesel subsidies from July 1.

"This requirement applies to eligible public land transport and goods land transport operators in Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan," he said in a statement on Wednesday.

Under the mechanism, he said both sectors involving the listed vehicle categories would continue to enjoy subsidised diesel at RM1.88 per litre for public land transport and RM2.15 per litre for goods land transport.

Armizan said that as of June 22, a total of 8,445 companies involving 30,557 vehicles had registered under the SKDS in Sabah, Sarawak and Labuan.

Of the total, Sabah recorded 4,062 companies with 14,750 vehicles, followed by Sarawak with 4,108 companies involving 15,030 vehicles, while Labuan accounted for 275 companies and 777 vehicles.

He said registration under the SKDS for the public land transport sector in the three territories had been open since June 10, 2024, while registration for the goods land transport sector commenced on May 4 this year.

According to him, registration to obtain diesel subsidies under the SKDS involves two processes, namely registration via the MySubsidi portal and an application for a fleet card from the applicant's chosen oil company upon receiving the SKDS approval letter.

"The government acknowledges that the issuance and delivery of fleet cards by oil companies normally takes between two and three weeks, depending on their respective internal verification and administrative processes," he said.

Armizan said the reimbursement claims are subject to several conditions, including that applicants must be eligible public or goods land transport companies in Sabah, Sarawak and Labuan, and must have registered under the SKDS and applied for a fleet card on or before June 30.

He said the claims cover diesel purchases made from July 1 to July 31, or until the date the fleet card is received by the transport company, whichever is earlier.

"Applications for reimbursement may be submitted through the MySubsidi portal, and all claims must be supported by proof of diesel purchases in the form of receipts uploaded via the portal," he said.

He added that the reimbursement payments will be credited into company bank accounts by the Ministry of Finance within 15 working days after verification by SKDS administrators at the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living has been completed.

**Read the full story**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 2

# Several conditions

From Page One

"The Government acknowledges that the issuance and delivery of fleet cards by oil companies normally takes between two and three weeks, depending on their respective internal verification and administrative processes," he said.

Armizan said the reimbursement claims are subject to several conditions, including that applicants must be eligible public or goods land transport companies in Sabah, Sarawak and Labuan, and must have registered under the SKDS and applied for a fleet card on or before June 30.

He said the claims cover diesel purchases made from July 1 to July 31, or until the date the fleet card is received by the transport company, whichever is earlier.

"Applications for reimbursement may be submitted through the MySubsidi portal, and all claims must be supported by proof of diesel purchases in the form of receipts uploaded via the portal," he said.

He added that the reimbursement payments will be credited into company bank accounts by the Ministry of Finance within 15 working days after verification by SKDS administrators at the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has been completed.

Armizan also urged all eligible public and goods land transport companies in Sabah, Sarawak and Labuan to register under the SKDS and submit their fleet card applications immediately to expedite processing and ensure continued access to subsidised diesel.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 2

# 30,557 kenderaan di Sabah, Sarawak dan Labuan berdaftar di bawah SKDS

**Dari muka depan**

Tambahnya, permohonan boleh dibuat melalui portal MySubsidi dan setiap tuntutan perlu disertakan dengan resit pembelian diesel yang sah untuk tujuan semakan.

Katanya, pembayaran balik tunai akan dikreditkan terus ke akaun bank syarikat oleh Kementerian Kewangan dalam tempoh 15 hari bekerja selepas proses semakan selesai dilaksanakan oleh pentadbir SKDS di KPDN.

Sementara itu, Armizan berkata, sehingga 22 Jun lalu, sebanyak 8,445 syarikat melibatkan 30,557 kenderaan di Sabah, Sarawak dan Labuan telah berdaftar di bawah SKDS.

Daripada jumlah itu katanya, Sabah merekodkan 4,062 syarikat dengan 14,750 kenderaan, diikuti Sarawak dengan 4,108 syarikat membabitkan 15,030 kenderaan dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 275 syarikat dengan 777 kenderaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Diesel reimbursements from July 1 for firms awaiting fleet cards

**PUTRAJAYA:** The government has agreed to open applications for diesel cash reimbursement claims under the Subsidised Diesel Control System (SKDS) from July 1 for eligible public and goods land transport companies in Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan that have yet to receive their fleet cards.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the facility would allow eligible companies to claim reimbursement for the difference between the retail price of unsubsidised diesel and the subsidised SKDS diesel price they would have enjoyed, while awaiting the issuance of their fleet cards.

He said the use of fleet cards under the SKDS to access diesel subsidies would take effect in tandem with the nationwide implementation of targeted diesel subsidies from July 1.

"This requirement applies to eligible public land transport and goods land transport operators in Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan," he said in a statement.

He said under the mechanism, both sectors involving the listed vehicle categories would continue to enjoy subsidised diesel at RM1.88 per litre for public land transport and RM2.15 per litre for goods land transport.

Armizan said that as of June 22, a total of 8,445 companies involving 30,557 vehicles had registered under the SKDS in Sabah, Sarawak and Labuan.

Of the total, Sarawak recorded the highest numbers with 4,108 companies involving 15,030 vehicles, followed closely by Sabah with 4,062 companies and 14,750 vehicles, while Labuan accounted for 275 companies and 777 vehicles.

He said registration under the SKDS for the public land transport sector in the three territories had been open since June 10, 2024, while registration for the goods land transport sector commenced on May 4 this year.

According to him, registration to obtain diesel subsidies under the SKDS involves two processes, namely registration via the MySubsidi portal and an application for a fleet card from the applicant's chosen oil company upon receiving the SKDS approval letter.

"The government acknowledges that the issuance and delivery of fleet cards by oil companies normally takes between two and three weeks, depending on their respective internal verification and administrative processes," he said.

Armizan said the reimbursement claims are subject to several conditions, including that applicants must be eligible public or goods land transport companies in Sabah, Sarawak and Labuan, and must have registered under the SKDS and applied for a fleet card on or before June 30.

He said the claims cover diesel purchases made from July 1 to July 31, or until the date the fleet card is received by the transport company, whichever is earlier.

"Applications for reimbursement may be submitted through the MySubsidi portal, and all claims must be supported by proof of diesel purchases in the form of receipts uploaded via the portal," he said.

He added that the reimbursement payments will be credited into company bank accounts by the Finance Ministry within 15 working days after verification by SKDS administrators at the Domestic Trade and Cost of Living Ministry has been completed.

Armizan also urged all eligible public and goods land transport companies in Sabah, Sarawak and Labuan to register under the SKDS and submit their fleet card applications immediately to expedite processing and ensure continued access to subsidised diesel. – Bernama

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 1

# Govt introduces diesel cash rebate under SKDS effective July 1

**KOTA KINABALU:** The government has agreed to introduce a diesel cash rebate mechanism under the Subsidised Diesel Control System (SKDS) beginning July 1 for eligible public and goods land transport companies that have yet to receive their fleet cards.

Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Armizan Mohd Ali said the initiative was introduced following the implementation of targeted diesel subsidies in Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan, which will take effect on the same date.

Under the SKDS, fleet cards serve as the primary mechanism for eligible companies to purchase subsidised diesel at RM1.88 per litre for the public land transport sector and RM2.15 per litre for the goods transport sector.

Armizan said the government acknowledged that the issuance and delivery of fleet cards by oil companies typically take between two and three weeks, depending on each company's internal verification and processing procedures.

"As such, the government has agreed to allow eligible companies to claim the difference between the unsubsidised retail diesel price and the subsidised SKDS price while waiting to receive their fleet cards," he said in a statement on Wednesday.

Registration for the SKDS public land transport sector in Sabah, Sarawak and Labuan has been open since June 10, 2024, while registration for the goods transport sector began on May 4, 2026.

As of June 22, 2026, a total of 8,445 companies involving 30,557 vehicles had registered under the scheme.

Sabah recorded the highest participation with 4,062 companies and 14,750 vehicles, followed by Sarawak with 4,108 companies and 15,030 vehicles, while Labuan registered 275 companies involving 777 vehicles.

Armizan said companies seeking to benefit from the diesel subsidy must first register through the MySubsidi portal before using their approval letter to apply for a fleet card from their preferred oil company.

The diesel cash rebate is only available to SKDS applicants from the public and goods land transport sectors in Sabah, Sarawak and Labuan that have completed their registration and submitted their fleet card applications on or before June 30, 2026.

The rebate will cover diesel purchases made between July 1 and July 31, 2026, or until the fleet card is received, whichever comes first.

Applications can be submitted through the MySubsidi portal, with all claims required to include uploaded diesel purchase receipts.

The Ministry of Finance will credit approved rebate payments directly into the companies' bank accounts within 15 working days after claims have been verified by SKDS administrators at the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

Armizan also urged all eligible public and goods land transport companies to register under the SKDS and apply for their fleet cards as soon as possible to ensure uninterrupted access to subsidised diesel.

"The earlier companies register, the sooner the fleet card issuance process can be completed, ensuring they continue to benefit from the government's diesel subsidy programme," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 25/6/2026

M/SURAT: 2

# KPDN buka tuntutan bayaran balik diesel

**PUTRAJAYA:** Kerajaan bersetuju membuka ruang permohonan tuntutan bayaran balik tunai diesel di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) mulai 1 Julai bagi syarikat pengangkutan darat awam dan barangan yang layak di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan (WP) Labuan yang masih belum menerima kad fleet.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata kemudahan itu membolehkan syarikat yang layak membuat tuntutan perbezaan harga diesel yang dibeli pada harga runcit tanpa subsidi dengan harga diesel bersubsidi SKDS yang sepatutnya dinikmati sementara menunggu kad fleet diterima.

Beliau berkata penggunaan kad fleet di bawah SKDS untuk memanfaatkan subsidi diesel akan berkuat kuasa selaras dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di seluruh negara mulai 1 Julai.

"Kewajipan ini meliputi sektor pengangkutan darat awam dan sektor pengangkutan darat barangan yang layak di Sabah, Sarawak dan WP Labuan," katanya dalam kenyataan semalam.

Armizan berkata melalui mekanisme itu, kedua-dua sektor berkenaan dengan jenis kenderaan yang disenaraikan akan terus menikmati diesel bersubsidi pada harga RM1.88 seliter bagi pengangkutan darat awam dan RM2.15 seliter untuk pengangkutan darat barangan.

Beliau berkata sehingga 22 Jun lepas, sebanyak 8,445 syarikat melibatkan 30,557 kenderaan telah berdaftar di bawah SKDS di Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

Daripada jumlah itu, Sabah merekodkan 4,062 syarikat dengan 14,750 kenderaan, diikuti Sarawak sebanyak 4,108 syarikat dengan 15,030 kenderaan dan WP Labuan melibatkan 275 syarikat serta 777 kenderaan.

Beliau berkata pendaftaran SKDS bagi sektor pengangkutan darat awam di ketiga-tiga wilayah itu telah dibuka sejak 10 Jun 2024 manakala peluasan kepada sektor pengangkutan darat barangan bermula 4 Mei lepas.

Menurut Armizan, pendaftaran untuk mendapatkan manfaat subsidi diesel di bawah SKDS melibatkan dua proses, iaitu pendaftaran melalui portal MySubsidi dan permohonan kad fleet daripada syarikat minyak pilihan selepas menerima surat kelulusan SKDS.

"Kerajaan mengambil maklum bahawa proses pengeluaran dan penghantaran kad fleet oleh syarikat minyak lazimnya mengambil masa antara dua hingga tiga minggu bergantung kepada proses semakan dan pengurusan dalaman syarikat minyak masing-masing," katanya.

Armizan berkata tuntutan bayaran balik tunai itu tertakluk kepada beberapa syarat termasuk pemohon adalah syarikat pengangkutan darat awam atau barangan yang layak di Sabah, Sarawak dan WP Labuan serta telah mendaftar di bawah SKDS dan memohon kad fleet sebelum atau pada 30 Jun.

Beliau berkata tuntutan itu meliputi pembelian diesel bermula 1 Julai hingga 31 Julai atau sehingga tarikh kad fleet diterima oleh syarikat pengangkutan, yang mana lebih awal.

"Permohonan bayaran balik tunai boleh dibuat melalui portal MySubsidi dan semua tuntutan wajib disokong dengan bukti resit pembelian diesel serta dimuat naik menerusi portal itu," katanya.

Armizan berkata bayaran balik tunai akan dikreditkan ke dalam akaun bank syarikat oleh Kementerian Kewangan dalam tempoh 15 hari bekerja selepas proses semakan selesai oleh pentadbir SKDS di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Beliau turut menggesa semua syarikat pengangkutan darat awam dan barangan yang layak di Sabah, Sarawak dan WP Labuan supaya segera membuat pendaftaran SKDS dan mengemukakan permohonan kad fleet bagi mempercepatkan proses pengeluarannya serta memastikan syarikat terus menikmati diesel bersubsidi. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 29

# 400kg daging kambing licin 30 minit

**KUALA TERENGGANU:** Daging kambing dianggarkan seberat 400 kilogram (kg) licin dijual dalam tempoh 30 minit pada Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di Masjid Tok Jembal, Seberang Takir, di sini, semalam.

Daging kambing segar termasuk kepala dijual pada harga potongan sebanyak 32 peratus atau RM30.50 sen setiap kg, pertama kali dijual di PJRM kali ini.

Operator yang diberi tanggungjawab melaksanakan PJRM itu, Zurin Abd. Rahman berkata, jualan daging kambing segar kali pertama diadakan bertujuan memberi peluang kepada pengunjung menikmatinya pada harga berpatutan.

"Kita memaklumkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri untuk melakukan kelainan dengan menjual daging kambing pada PJRM.

"KPDN bersetuju tetapi perlu mematuhi peraturan terutama pengurangan harga antara 10 peratus dan 30 peratus," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Zurin berkata, pihaknya menjual daging kambing segar pada harga RM30.50 setiap kg, berbanding harga pasaran sekitar RM45 setiap kg.

"Walaupun pertama kali diperkenal, sambutan pengunjung sangat menggalakkan apabila daging daripada lima ekor kambing seberat kira-kira 400 kg habis dijual dalam tempoh 30 minit.

"Berdasarkan sambutan pengunjung, kita bercadang meneruskan jualan daging kambing segar, selain daging lembu dan ayam pada PJRM yang diadakan di seluruh negeri," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDN negeri, Mohd Mufsi Lat berkata, semua operator yang diberi tanggungjawab melaksanakan PJRM dibenarkan membuat kelainan tetapi perlu mematuhi peraturan ditetapkan iaitu pengurangan harga antara 10 peratus dan 30 peratus.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 13

# Gedung warga 'Timur Tengah' diserbu

- **Sebanyak 15 premis periksa di Plaza One South**
- **Hasil risikan seminggu di lokasi**

Oleh MOHD FAHMI ISMAIL

**KUALA LUMPUR** – Seramai 30 warga asing ditahan Jabatan Imigresen (JIM) menerusi Ops Little Middle East yang dijalankan di One South Plaza di sini semalam kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan imigresen.

Operasi bersepadu dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu dilaksanakan susulan aduan awam serta hasil risikan selama seminggu di lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warga asing khususnya dari rantau Asia Barat.

JIM dalam satu kenyataan berkata, operasi yang bermula pada pukul 12.30 tengah hari itu melibatkan 53 pegawai pelbagai pangkat daripada Cawangan Tindakan Khas dan Bahagian Penguatkuasaan JIM serta lima pegawai KPDN.




ANTARA premis perniagaan yang diperiksa dalam Ops Little Middle East di Seri Kembangan kelmarin.

"Sebanyak 15 premis perniagaan telah diperiksa melibatkan restoran, kios makanan, pusat jualan dan premis komersial lain yang disyaki menggaji serta melindungi warga asing tanpa kebenaran yang sah.

"Hasil pemeriksaan ke atas 64 individu mendapati seramai 30 warga asing telah ditahan bagi membantu siasatan," katanya.

Menurutnya, mereka yang ditahan terdiri daripada warga Yaman, Somalia, Afghanistan, Ghana, Pakistan dan Bangladesh berusia antara 26 hingga 35 tahun.

"Kesemua mereka ditahan kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 termasuk tinggal lebih masa tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah serta menyalahgunakan pas yang diberikan," ujarnya.

Tambahnya, satu Borang 29 (saman saksi) turut dikeluarkan kepada seorang warga tempatan bagi membantu siasatan lanjut.

"Kesemua warga asing yang ditahan telah ditempatkan di Depot Imigresen bagi tujuan siasatan dan tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa," katanya.

JIM berkata, operasi penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan bagi mengesan warga asing yang tinggal secara tidak sah tinggal melebihi tempoh dibenarkan atau menyalahgunakan kemudahan pas yang diberikan kerajaan.

Sementara itu, KPDN mengenakan kompaun berjumlah RM300 terhadap seorang pemilik premis di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 atas kesalahan yang dikesan ketika pemeriksaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 2

# Petrol, diesel seized in Semporna

Azmie Lim

SEMPORNA: The General Operations Force (GOF) Battalion 22 in Kunak detained a local and seized 310 litres of petrol and 400 litres of diesel during an operation in front of Jeti Umum, here, on Tuesday.

The suspect was apprehended during the Ops Tiris 4.0 (Integrated) after he failed to produce any written permission to own or store the controlled items.

Also seized were a fibre boat and a Yamaha 200Hp engine, two units of batteries, a set of throttle systems, a wheelbarrow and other items.

All the seizures were worth an estimated RM30,365.40, including the controlled items worth RM2,082.70.

The suspect and the seized items were handed over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Semporna for further action.

The case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961.



The gallons containing petrol and diesel seized during the operation.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 3

# PGA tumpaskan aktiviti simpan petrol, diesel tanpa kebenaran

Copyright

**Azmie Lim**

SEMPORNA: Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 22 Kunak menahan seorang lelaki tempatan serta merampas 310 liter petrol dan 400 liter diesel dalam satu operasi di hadapan Jeti Umum pada Selasa.

Tangkapan dibuat menerusi Op Tiris 4.0 (bersepadu) selepas suspek gagal mengemukakan sebarang kebenaran bertulis untuk memiliki atau menyimpan barang kawalan tersebut.

Turut dirampas ialah sebuah bot gentian kaca, enjin Yamaha 200 kuasa kuda, dua unit bateri, set sistem pendikit, sebuah kereta sorong serta beberapa peralatan lain.

Keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM30,365.40 termasuk barang kawalan bernilai RM2,082.70.

Suspek dan semua barangan rampasan kemudian diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)) Cawangan Semporna untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.



**TONG-TONG mengandungi petrol dan diesel yang dirampas semasa operasi tersebut.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



**RAMPASAN:** Minyak petrol dan diesel yang disyaki dimiliki tanpa permit sah dirampas untuk siasatan lanjut.

# Lelaki ditahan bersama petrol, diesel tanpa permit

## Keseluruhan nilai rampasan termasuk bot dan peralatan dianggarkan RM30,365.40

Oleh Hamzah Sanudin

**SEMPORNA: Seorang lelaki tempatan ditahan selepas disyaki memiliki barang kawalan tanpa permit yang sah dalam satu operasi penguatkuasaan di hadapan Jeti Umum Semporna, di sini, semalam.**

Turut dirampas dalam operasi berkenaan ialah 310 liter minyak petrol dan 400 liter minyak diesel bersama sebuah bot fiber serta pelbagai peralatan yang dipercayai digunakan dalam kegiatan berkenaan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam kenyataan memaklumkan, kes itu diterima sebagai serahan daripada Batalion 22 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kunak menerusi Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) yang dijalankan bagi membanteras penyelewengan barang kawalan bersubsidi.

Katanya, hasil tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, pihak berkuasa menahan seorang lelaki tempatan bagi membantu siasatan.

"Turut dirampas sebuah bot fiber bersama enjin sangkut 200HP, 310 liter minyak petrol, 400 liter minyak diesel, dua unit bateri, satu set sistem pendikit (throttle), sebuah kereta sorong dan beberapa peralatan lain yang dipercayai digunakan dalam kegiatan terbabit.

"Nilai rampasan barang kawalan dianggarkan sebanyak RM2,082.70 manakala keseluruhan nilai rampasan termasuk bot dan peralatan dianggarkan RM30,365.40," menurut kenyataan itu, semalam.

Susulan rampasan berkenaan, KPDN Cawangan Semporna membuka satu kertas siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk tindakan lanjut.

KPDN berkata, pihaknya akan terus memperhebat operasi penguatkuasaan bagi mengekang aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi yang boleh menjejaskan bekalan kepada pengguna dan menyebabkan ketirisan subsidi kerajaan.

"KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati melanggar peruntukan undang-undang berkaitan barang kawalan dan bersubsidi," katanya.

# Premis dipercayai salah guna permit seleweng diesel diserbu

## Dua turut ditahan dalam operasi polis dan KPDN di Desa Senadin

Oleh Rosemaria Buma

**MIRI: Taktik sebuah premis di Zon Perindustrian Desa Senadin yang dipercayai menyalahgunakan permit sah bagi menjalankan kegiatan penyelewengan minyak diesel terbongkar selepas diserbu pihak polis dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Ahad lalu.**

Dalam serbuan jam 10 pagi itu, pihak berkuasa berjaya merampas kira-kira 5,250 liter minyak diesel dan menahan dua lelaki tempatan berusia 40 dan 49 tahun yang dipercayai sedang melakukan penyelewengan bahan bakar tersebut.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Mohd Farhan Lee Abdullah berkata, hasil pemeriksaan mendapati pemilik dipercayai menjadikan premis itu sebagai pusat pengumpulan minyak diesel yang dibeli daripada pemandu kenderaan berat di sekitar Miri sebelum dipindahkan ke dalam tangki simpanan di lokasi tersebut.

Menurutnya, minyak diesel yang dikumpulkan kemudian dipercayai dijual semula kepada pembeli dalam kalangan pemain industri di sekitar kawasan Miri.




**TERBONGKAR: Polis bersama KPDN Miri menyerbu sebuah premis di Zon Perindustrian Desa Senadin di Miri, Ahad lalu yang dipercayai dijadikan pusat pengumpulan dan penjualan semula minyak diesel secara tidak sah.**

"Hasil pemeriksaan lanjut di premis berkenaan menemui kira-kira 5,250 liter minyak diesel, sebuah lori tangki berkapasiti 5,000 liter, sebuah tangki simpanan berkapasiti 10,000 liter serta pelbagai peralatan yang dipercayai digunakan untuk menjalankan kegiatan penyelewengan minyak diesel.

"Kesemua barang yang dirampas dianggarkan bernilai RM94,787.50," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Farhan, siasatan turut mendapati pemilik premis memiliki permit yang dikeluarkan KPDN yang membenarkannya membeli dan menggunakan minyak diesel tidak bersubsidi dengan kuantiti simpanan sehingga 10,000 liter, namun dipercayai telah disalahgunakan.

"Kegiatan penyelewengan minyak diesel bukan sahaja melanggar undang-undang malah menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan.

"Justeru, kes telah diserahkan kepada KPDN Cawangan Miri untuk tindakan dan siasat lanjut mengikut Seksyen 21(1) Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Sehubungan itu, Farhan mengingatkan semua pihak agar tidak bersekongkol dengan sindiket penyelewengan minyak diesel yang menjejaskan hasil negara.

Beliau turut meminta orang ramai menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan penyelewengan bahan kawalan kepada polis atau KPDN bagi membantu membanteras aktiviti berkenaan.

> "Kegiatan penyelewengan minyak diesel bukan sahaja melanggar undang-undang malah menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan."
>
> **ACP Mohd Farhan Lee Abdullah**
> *Ketua Polis Daerah Miri*

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 10

## 內貿部：未獲柴油補貼卡公司

# 沙砂閩7月可申請SKDS退款

（亚庇24日讯）政府已同意从7月1日起，开放允许沙巴、砂拉越及纳闽三地符合资格且已注册，但还未获得柴油补贴卡（Fleet Card）的陆路公共交通与货运公司，申请补贴柴油控制计划（SKDS）现金退款。

国内贸易及生活费部长拿督阿米占今日宣布，这项过渡机制旨在让符合资格的运输业者在等待获得柴油补贴卡期间，不会被逼承担全额零售市价，可继续享有政府所承诺的SKDS柴油补贴福祉。

### 体恤交付车队卡流程耗时

阿米占在文告中指出，随著政府从7月1日起在全国实施针对性柴油补贴计划，沙砂及纳闽陆路公共交通及货运公司正式被涵盖入补贴柴油控制计划中。

他表示，政府知晓石油公司签发和交付车队卡的流程耗时，具体时间取决于审核流程和各石油公司的内部管理情况，通常需要两到三周，决定同意开放现金退款计划。

“符合资格运输业者可申请退回在等待获得柴油补贴卡期间，按无补贴零售价购买的柴油与本应可享有SKDS补贴柴油价格之间的差额。”

在SKDS补贴机制下，陆路公共交通业者享有每公升1令吉88仙的补贴柴油价格，货运车辆则可享有每公升2令吉15仙的补贴价格。

### 8445公司3万车辆已注册

阿米占也披露，根据内贸部的统计，截至2026年6月22日，沙巴、砂拉越及纳闽已有高达8445家公司，合计共3万零557辆合格车辆已在SKDS系统下注册。

他说，申请现金退款的运输公司必须符合财政部及内贸部所制定的5项条件，包括仅限于东马和纳闽的合格业者，且属SKDS下的陆路公共交通和货运领域。

“相关业者也必须出示已在6月30日前完成SKDS注册，以及向石油公司申请柴油补贴卡的证明。”

现金退款仅涵盖2026年7月1日至7月31日期间的购油收据，或直到公司正式收到柴油补贴卡当天为止，视何者为早。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 1

## 內貿部：未獲柴油補貼卡公司

# 沙砂闆7月可申請SKDS退款

**沙砂及纳闽已完整注册SKDS的公司及车辆数量（截至6月22日）**

| 区域 | 注册公司数量 | 注册车辆数量 |
|---|---|---|
| 沙巴 | 4062间 | 1万4750辆 |
| 砂拉越 | 4108间 | 1万5030辆 |
| 纳闽 | 275间 | 777辆 |
| 合计 | 8445间 | 3万0557辆 |

（亚庇24日讯）政府已同意从7月1日起，开放允许沙巴、砂拉越及纳闽三地符合资格且已注册，但还未获得柴油补贴卡（Fleet Card）的陆路公共交通与货运公司，申请补贴柴油控制计划（SKDS）现金退款。

国内贸易及生活费部长拿督阿米占今日宣布，这项过渡机制旨在让符合资格的运输业者在等待获得柴油补贴卡期间，不会被逼承担全额零售市价，可继续享有政府所承诺的SKDS柴油补贴福祉。

### 体恤交付车队卡流程耗时

阿米占在文告中指出，随著政府从7月1日起在全国实施针对性柴油补贴计划，沙砂及纳闽陆路公共交通及货运公司正式被涵盖入补贴柴油控制计划中。

他表示，政府知晓石油公司签发和交付车队卡的流程耗时，具体时间取决于审核流程和各石油公司的内部管理情况，通常需要两到三周，决定同意开放现金退款计划。

“符合资格运输业者可申请退回在等待获得柴油补贴卡期间，按无补贴零售价购买的柴油与本应可享有SKDS补贴柴油价格之间的差额。”

在SKDS补贴机制下，陆路公共交通业者享有每公升1令吉88仙的补贴柴油价格，货运车辆则可享有每公升2令吉15仙的补贴价格。

### 8445公司3万车辆已注册

阿米占也披露，根据内贸部的统计，截至2026年6月22日，沙巴、砂拉越及纳闽已有高达8445家公司，合计共3万零557辆合格车辆已在SKDS系统下注册。

他说，申请现金退款的运输公司必须符合财政部及内贸部所制定的5项条件，包括仅限于东马和纳闽的合格业者，且属SKDS下的陆路公共交通和货运领域。

“相关业者也必须出示已在6月30日前完成SKDS注册，以及向石油公司申请柴油补贴卡的证明。”

现金退款仅涵盖2026年7月1日至7月31日期间的购油收据，或直到公司正式收到柴油补贴卡当天为止，视何者为早。

### 须透过MySubsidi官网申请

业者也必须透过MySubsidi官方门户网站（https://mysubsidi.kpdn.gov.my）提交退款申请，同时必须附上购买柴油的有效收据证明，并扫描上载至上述网站。

阿米占说，一旦内贸部辖下的SKDS官员完成审核后，财政部将在15个工作天内把退款直接汇入公司的银行户头。

他也敦促沙砂和纳闽符合资格的运输业者立即注册SKDS及申请柴油补贴卡，尽早注册有助于加快柴油补贴卡的发放流程，确保公司能够继续享受柴油补贴。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 16

# 80 syarikat umrah disyaki pakat harga

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memandang serius berkenaan amalan anti-persaingan termasuk yang berkaitan tawaran pakej umrah di negara ini.

Justeru itu, Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, Akta Persaingan 2010 (Akta 712) sedang dipinda untuk memberi lebih kuasa kepada MyCC dalam usaha membendung amalan anti-persaingan ini.

"Contoh amalan anti-persaingan dalam pakej umrah, ini antara perkara dikesan MyCC, disiasat dan diambil tindakan. Jadi bila pakej umrah ini, mereka pakat sama-sama dia, (babit) lebih 80 syarikat.

"Jadi dia tak boleh tawarkan harga rendah, biarpun itu bukan pakej mahal, tapi tawaran harganya itu dia dapat kawal. Jadi ini memang antara kerja-kerja MyCC dan memang MyCC memandang serius berkenaan dengan amalan anti-persaingan ini.

"Insya-Allah ada pindaan undang-undang yang akan dibentangkan (di Parlimen) untuk bacaan kali kedua berkaitan Akta 712 ini untuk memberikan lebih kuasa kepada akta ini pada minggu depan," katanya menjawab soalan ***Tan Kar Hing (PH-Gopeng)*** pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Dalam pada itu, menjawab soalan asal Datuk Seri ***Dr Ismail Abd Muttalib (PN-Maran)***, Fuziah berkata, MyCC meneliti ekosistem industri simen yang juga antara faktor mempengaruhi kos projek perumahan.

Katanya, dapatan menunjukkan peningkatan harga simen berlaku susulan perubahan struktur pasaran akibat aktiviti percantuman dan pengambilalihan yang meningkatkan penumpuan pasaran dalam rantaian bekalan simen dan mengurangkan intensiti persaingan harga apabila bilangan pemain utama menjadi lebih terhad.

"Bagaimanapun, kenaikan harga simen turut dipengaruhi faktor lain seperti kos bahan mentah seperti arang batu, kos pengeluaran seperti tenaga dan bahan api serta kos logistik dan pengangkutan yang berhubung kait dengan faktor geografi dan lokasi kilang pengeluaran," katanya.

Katanya MyCC turut memantau perolehan kerajaan bagi membendung kartel tipuan bida termasuk perolehan berkaitan dengan pasaran perumahan.

"Setakat ini, tiada siasatan membabitkan projek perumahan kerajaan. Namun, MyCC sudah mengenakan penalti RM97.31 juta terhadap 26 perusahaan yang terbabit dalam kartel tipuan bida bagi pelbagai tender kerajaan seperti projek jalan raya, pembinaan, penyelenggaraan dan perkhidmatan teknologi maklumat.

"MyCC mengalu-alukan aduan orang awam dan perusahaan yang terkesan dengan perlakuan anti-persaingan berkaitan dengan tawaran harga dan pakej perumahan dalam pasaran perumahan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 6

that could be taken against non-compli- worldwide," he added. – Bernama

# No price fixing found in M'sia housing market

A STUDY by the Malaysia Competition Commission (MyCC) has found no evidence of anti-competitive practices involving housing prices or residential property packages in the housing market, the Dewan Rakyat was told.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Dr Fuziah Salleh said that, apart from various studies and monitoring exercises conducted by MyCC, the commission has also not received any specific complaints regarding anti-competitive practices linked to house prices.

Citing the Malaysia House Price Index 2025 published by the National Property Information Centre, she said house prices recorded moderate and sustained growth throughout 2025.

"After reaching a growth rate of 4.4 per cent in the fourth quarter of 2024, the rate gradually eased to 3.5 per cent in the first quarter of 2025.

"It subsequently fell to its lowest level in the fourth quarter of 2025. This indicates that housing market prices have generally remained stable," she said in reply to Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (PN-Maran) during Question Time.

Fuziah said MyCC has undertaken several studies to determine whether anti-competitive elements exist within the housing sector and the construction material supply chain that could affect house prices.

Among the initiatives were investigations involving sand operators in Kota Bharu, Kelantan, and a market review of construction materials covering four key products, namely steel, cement, ready-mixed concrete and sand.

She said the review of cement prices was carried out because cement is a major contributor to construction costs and, by extension, housing prices.

"The findings showed that increases in cement prices were driven by higher raw material costs, particularly coal, as well as rising production expenses, including energy and fuel costs, and logistics and transportation costs linked to geographical factors and plant locations," she said.

Fuziah added that MyCC also monitors government procurement processes to detect possible bid-rigging activities, including those related to the housing sector. However, no investigations involving government housing projects have been initiated to date.

She said the ministry would also consider Ismail's proposal to establish a more accessible public reporting mechanism for homebuyers to lodge complaints about suspicious practices or sales pressure exerted by property agents and developers. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Kajian MYCC mendapati tiada perlakuan antipersaingan dalam pasaran perumahan

KUALA LUMPUR: Kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menunjukkan tiada perlakuan antipersaingan berkaitan tawaran harga dan pakej perumahan dalam pasaran perumahan setakat ini, Dewan Rakyat dimaklumkan semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, selain beberapa kajian dan pemantauan yang dijalankan, MyCC juga tidak pernah menerima sebarang aduan khusus mengenai amalan antipersaingan berkaitan harga rumah.

Memetik Indeks Harga Rumah Malaysia 2025 yang diterbitkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, beliau berkata, trend harga rumah menunjukkan pertumbuhan sederhana yang berterusan sepanjang 2025.

"Selepas mencapai kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 4.4 peratus pada suku keempat 2024, kadar itu menurun secara beransur-ansur kepada 3.5 peratus pada suku pertama 2025.

"Ia kemudian mencapai paras terendah pada suku keempat 2025. Kadar ini membuktikan harga pasaran perumahan secara umumnya adalah stabil," katanya semasa menjawab soalan Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (PN-Maran) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.



**TIADA PERLAKUAN ANTIPERSAINGAN: Fuziah Salleh ketika sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan sempena Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Ke-15 Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen semalam.** — Gambar Bernama

Fuziah berkata, MyCC juga telah melaksanakan beberapa kajian bagi mengenal pasti sama ada terdapat elemen antipersaingan dalam industri perumahan dan rantaian bekalan bahan binaan yang boleh mempengaruhi harga rumah.

Beliau berkata, antaranya adalah penyiasatan terhadap pengusaha pasir di Kota Bharu serta kajian semula pasaran bahan binaan dalam industri pembinaan yang melibatkan empat bahan utama, iaitu besi, simen, konkrit siap bancuh dan pasir.

Menurut Fuziah, kajian harga simen dibuat memandangkan ia adalah antara faktor yang menyumbang kepada kos pembinaan dan seterusnya mempengaruhi harga rumah.

"Dapatan menunjukkan ada peningkatan harga simen berlaku susulan kenaikan harga kos bahan mentah seperti arang batu, kos pengeluaran seperti tenaga dan bahan api serta kos logistik dan pengangkutan yang berhubung kait dengan faktor geografi serta lokasi kilang," katanya.

Selain itu, Fuziah berkata MyCC turut memantau proses perolehan kerajaan bagi mengesan sebarang unsur tipuan bida, termasuk yang berkaitan dengan sektor perumahan, namun setakat ini tiada siasatan melibatkan projek perumahan kerajaan dijalankan.

Beliau berkata, pihaknya juga akan meneliti cadangan Ismail untuk mewujudkan mekanisme pelaporan awam yang lebih mudah untuk pembeli rumah membuat aduan berhubung amalan mencurigakan atau tekanan membeli oleh ejen dan pemaju. — Bernama

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 4

傅芝雅表示，竞争委员会至今未接获涉及房屋售价及房屋配套的反竞争行为投诉，相关研究也未发现房地产市场存在价格操纵或垄断情况。（新闻局照片）



## 傅芝雅：調查房市反競爭行爲

# MyCC未接房價操縱投訴

（吉隆坡24日讯）国内贸易及生活费部副部长拿督傅芝雅表示，马来西亚竞争委员会（MyCC）至今未曾接获针对房屋价格及房屋配套涉及反竞争行为的具体投诉，相关研究结果也未发现市场存在有关行为。

她表示，该部通过竞争委员会持续监督与人民生活成本及福祉相关的课题，包括房地产市场的发展情况。

她说，根据《2010年竞争法令》（第712法令）赋予的权限，MyCC会透过接获的投诉、市场研究以及主动展开调查等方式，监督市场是否存在反竞争行为。

“房屋价格的监督方式与日常必需品价格监督不同，MyCC主要通过市场研究和产业链分析，评估是否存在影响市场竞争的因素。”

傅芝雅今日在国会口头问答环节回答伊斯兰党马兰区国会议员拿督斯里依斯迈阿都慕达利询及其部门将采取哪些措施，加强竞争委员会职能，以监督房屋售价及配套，并有效调查房地产市场中的反竞争行为，包括可能出现的价格操纵或市场垄断行为。

她指出，MyCC此前已针对建筑材料供应链展开多项研究，包括哥打峇鲁地区的砂石行业调查，以及涉及钢铁、水泥、预拌混凝土和砂石等4项主要建筑材料的市场研究。

她说，MyCC也曾针对水泥价格进行专项研究，因为水泥价格是影响房屋价格的重要因素之一。

此外，她指出，MyCC亦监督政府采购项目，以侦测是否存在串标行为，包括涉及房屋领域的政府采购项目，但迄今未发现涉及政府房屋计划的相关案件。

“截至目前，MyCC未接获有关房屋价格或房屋配套出现反竞争行为的具体投诉。”

她引述国家土地价格资讯中心（NAPIC）发布的2025年马来西亚房价指数指出，房价走势整体保持温和增长，并趋向稳定。

### 2025房市整体走势趋稳

她说，房价增长率在2024年第四季度达到4.4%的高点后，于2025年逐步放缓，从第一季度的3.5%持续下降，并在第四季度降至全年最低水平，显示整体房地产市场价格相对稳定。

谈及建筑成本问题时，傅芝雅指出，MyCC研究发现，水泥价格上涨主要受到煤炭等原材料成本上升、能源及燃料等生产成本增加，以及物流和运输成本提高等因素影响，而非市场操纵行为所致。

她强调，若未来接获相关投诉，MyCC将依据法令展开调查及执法行动。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報
CHINA PRESS

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 7

傅芝雅：查房市反競爭行為

# MyCC未接房價操縱投訴

（吉隆坡24日讯）国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅说，大马竞争委员会（MyCC）调查显示，国内房产市场的房价或住宅配套，不存在涉违反竞争行为证据。

她说，该委员会展开多项调查显示，至今未接获任何与房价相关反竞争行为具体投诉，况且近年房价增长率不增反减，显示整体房价走势维持稳定。

“竞争委员会呼吁公众及受影响企业，举报任何涉及房屋市场的不公平竞争行为，一旦相关投诉证据充分，当局将立即采取严厉执法行动。”

傅芝雅今日在国会下议院问答环节，如是回答伊斯兰党马兰国会议员拿督斯里依斯迈阿都慕达立的提问。

## 水泥價影響建房成本

她说，国家产业资讯中心（NAPIC）发布的《2025年大马房屋价格指数》报告显示，房价增长率已从2024年第四季度的4.4%，逐步放缓至2025年第四季度的1.5%。

她也说，上述数据创下近年低点，凸显了我国整体房价走势基本维持稳定。



■傅芝雅

傅芝雅进一步说，水泥成本是影响建房成本的重要因素之一，竞争委员会调查发现，水泥价格上涨与市场结构变化有关。

她解释，随著企业并购与收购活动增加，水泥供应链市场集中度提高，主要业者数量随之减少，价格竞争也相对减弱。

“水泥价格也受到煤炭等原材料价格、能源与燃料等生产成本，以及物流和运输成本等多方面因素影响。”

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 25/6/2026

M/SURAT: 19

PERMOHONAN SUBSIDI DIESEL GUNA MYKAD

# Tiada tempoh masa dikenakan

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

**Kuching**

Kerajaan tidak menetapkan sebarang tempoh masa atau tarikh tutup bagi permohonan subsidi diesel melalui MyKad bagi memastikan semua pemilik kenderaan diesel yang layak dapat menikmati manfaat berkenaan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pendekatan itu diambil kerana kelayakan seseorang individu boleh berubah mengikut keadaan semasa, termasuk apabila membeli kenderaan diesel pada masa akan datang.

Beliau berkata, kerajaan tidak mahu menghadkan permohonan kepada satu tempoh tertentu sahaja kerana matlamat utama program itu adalah untuk berlaku adil kepada semua rakyat yang layak.

"Hari ini mungkin seseorang itu tidak memiliki kenderaan diesel, tetapi bulan depan dia membeli pikap atau kenderaan pacuan empat roda. Jadi apabila dia layak, dia boleh terus memohon," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Pelaksanaan BUDI Diesel yang turut dihadiri Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, di sini, semalam.



> *Hari ini mungkin seseorang itu tidak memiliki kenderaan diesel, tetapi bulan depan dia membeli kenderaan. Jadi apabila dia layak, dia boleh terus memohon"*
>
> **Amir Hamzah**

Mengulas mengenai langkah menghalang ketirisan dan penyeludupan diesel, Amir Hamzah berkata fokus utama kerajaan adalah memastikan subsidi tidak dinikmati oleh pihak yang tidak layak.

Menurutnya, pendekatan sama sudah dilaksanakan dalam sistem subsidi bahan api sebelum ini, termasuk kawalan terhadap pembelian bahan api oleh kenderaan berdaftar asing.

"Yang penting ialah memastikan dana subsidi kerajaan tidak disalurkan kepada mereka yang tidak berhak menerimanya. Dana itu mesti dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan penyasaran subsidi diesel melalui mekanisme BUDI Diesel membolehkan kerajaan mengurangkan risiko subsidi dinikmati oleh pihak luar atau disalahgunakan.

Menurutnya, dengan harga diesel yang diapungkan di stesen minyak, subsidi tidak lagi diberikan secara terbuka kepada semua pengguna, sekali gus mengurangkan ruang ketirisan.

Mengenai kemungkinan berlakunya kekurangan bekalan diesel pada masa hadapan, Amir Hamzah berkata, kerajaan akan terus memantau keadaan pasaran melalui kerjasama rapat antara Kementerian Kewangan dan KPDN, selain meneliti keperluan memperkenalkan mekanisme tambahan sekiranya diperlukan selepas pelaksanaan penuh BUDI Diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TARGETED ASSISTANCE

# NO DEADLINE FOR BUDI DIESEL APPLICATIONS

Govt wants to ensure fairness for vehicle owners as eligibility can change over time

MOHD ROJI KAWI
**KUCHING**
news@nst.com.my

THE government has not set a deadline for Budi Madani Diesel (Budi Diesel) applications to ensure eligible diesel vehicle owners can benefit from the targeted assistance programme.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said this was to ensure fairness as a person's circumstances could change over time.

"A person might not own a diesel vehicle, but they might buy a pickup truck or four-wheel-drive vehicle next month," he said at a Budi Diesel event yesterday.

Present was Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Amir Hamzah said the targeted subsidy mechanism was designed to ensure government aid reached those who needed it, while reducing leakages and smuggling.

He said floating the retail diesel price would reduce the abuse of the subsidy on the black market.

"The important thing is to ensure that government funds are not diverted to those who are not entitled to subsidies. These funds must benefit Malaysians."

He added that enforcement had been strengthened through cooperation between the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, the Customs Department and marine police.

Amir Hamzah said monitoring was necessary as some parties were reselling subsidised diesel for profit.

"We want to close the gaps on such leakages because every ringgit of subsidy saved means more resources can be channelled to those who need them."

He also said river transport operators would continue to receive subsidised diesel under a special mechanism beginning July 1.

He said state governments would play a crucial role in identifying eligible boat operators, particularly in Sarawak, where river transport remained a lifeline for many communities.

The Sarawak Rivers Board will verify eligible operators and submit their names to the Finance Ministry.

"Once verification is complete, the accounts of those eligible will be activated, allowing them to receive the subsidised diesel quota.

"In Sarawak, we recognise the unique situation where boat operators may not hold a licence. This is why we need a mechanism that can verify their eligibility," he said.

Amir Hamzah said the monthly base allocation of 200 litres would remain for now

He said only 0.76 per cent of Budi Madani RON95 (Budi95) users bought more than 200 litres of petrol a month between January and May.

He said operators could apply for a higher quota, but any increase would be assessed based on consumption data.

For people living in longhouses using diesel generators, he said residents' offices would register the eligible recipients.

The Budi Diesel programme will begin on July 1, allowing an estimated 700,000 diesel vehicle owners to buy the fuel at RM2.10 per litre.



*Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (left) and Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi at a Sumbangan Asas Rahmah event in Kuching yesterday.* BERNAMA PIC

NEW STRAITS TIMES
HEARD THE NEWS?
Read with me
Supported by the **Malaysian Communications and Multimedia Commission**

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS

TARIKH: 25/6/2026

M/SURAT: 2

# Tiada had tempoh mohon subsidi diesel

## Langkah pastikan pemilik kenderaan layak dapat nikmati manfaat

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Kementerian Kewangan tidak menetapkan tarikh tutup bagi permohonan kelayakan tambahan 100 liter subsidi diesel (BUDI Diesel) melalui MyKad bagi memastikan semua pemilik kenderaan diesel yang layak dapat menikmati manfaat berkenaan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata pendekatan itu diambil kerana kelayakan seseorang individu boleh berubah mengikut keadaan semasa, termasuk apabila membeli kenderaan diesel pada masa akan datang.

Beliau berkata, kementerian itu tidak mengehadkan permohonan kepada satu tempoh tertentu kerana matlamat utama untuk berlaku adil kepada semua rakyat yang layak.

"Hari ini mungkin seseorang itu tidak memiliki kenderaan diesel, tetapi bulan depan dia membeli pikap atau kenderaan pacuan empat roda. Jadi, apabila layak, dia boleh terus memohon," katanya pada sidang media Majlis Pelaksanaan BUDI Diesel yang turut dihadiri Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, di sini, semalam.

### Halang ketirisan

Mengulas mengenai langkah menghalang ketirisan dan penyeludupan diesel, Amir Hamzah berkata tumpuan utama kerajaan ialah memastikan subsidi tidak dinikmati oleh pihak yang tidak layak.

Katanya, pendekatan sama sudah dilaksanakan dalam sistem subsidi bahan api sebelum ini, iaitu BUDI MADANI RON95, termasuk kawalan terhadap pembelian bahan api oleh kenderaan berdaftar asing.

"Yang penting ialah memastikan dana subsidi kerajaan tidak disalurkan kepada mereka yang tidak berhak menerimanya. Dana itu mesti dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan penyasaran subsidi diesel melalui mekanisme BUDI Diesel membolehkan kerajaan mengurangkan risiko subsidi dinikmati oleh pihak luar atau disalahgunakan.

Katanya, dengan harga diesel yang diapungkan di stesen minyak, subsidi tidak lagi diberikan secara terbuka kepada semua pengguna, sekali gus mengurangkan ruang ketirisan.

Selain itu, kerajaan turut memperkukuh penguatkuasaan menerusi kerjasama beberapa agensi termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Pasukan Polis Marin.

Beliau berkata, pemantauan penting kerana ada pihak cuba mengambil kesempatan dengan menjual semula diesel bersubsidi bagi meraih keuntungan.

Mengenai kemungkinan berlaku kekurangan bekalan diesel pada masa hadapan, Amir Hamzah berkata, kerajaan akan terus memantau keadaan pasaran melalui kerjasama rapat di antara Kementerian Kewangan dan KPDN, selain meneliti keperluan memperkenal mekanisme tambahan sekiranya diperlukan, selepas pelaksanaan penuh BUDI Diesel.

Beliau berkata, kerajaan menyediakan mekanisme khas bagi memastikan pengusaha pengangkutan sungai terus mendapat bekalan diesel.

Amir Hamzah berkata, kerajaan negeri berperanan penting dalam mengenal pasti pengusaha bot yang layak menerima kemudahan itu memandangkan pengangkutan sungai masih menjadi penghubung utama bagi banyak komuniti di Sarawak.

Di Sarawak, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak akan bertindak sebagai agensi yang mengenal pasti dan mengesahkan pengusaha bot yang layak sebelum senarai dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

"Selepas pengesahan dibuat, akaun individu yang layak akan diaktifkan bagi membolehkan mereka menikmati kuota diesel bersubsidi yang disediakan kerajaan," katanya.



*Amir Hamzah (kanan) meninjau harga barangan keperluan harian di sebuah kedai runcit di Petra Jaya, Kuching, semalam.* (Foto BERNAMA)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 2

# Penggiat pelancongan Sabah rayu subsidi diesel

KOTA KINABALU: Penggiat industri pelancongan Sabah menggesa Kerajaan mengiktiraf pengangkutan pelancongan sebagai sektor penting yang layak menerima subsidi diesel di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), sambil memberi amaran bahawa kenaikan harga diesel yang bakal dilaksanakan boleh membawa kesan serius kepada perniagaan pelancongan dan daya saing Sabah sebagai destinasi pelancongan.

Rayuan itu dibuat secara bersama oleh Presiden Persekutuan Pelancongan Sabah (STF) Tonny Chew, Pengerusi Persatuan Pelancong Sabah (STA) Melanie Chu, Pengerusi Sabah Enhanced Travel Innovation Association (Setia) Christina Wahida Kong serta Pengerusi Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Sabah (Satta) Justin Chong.

Dalam kenyataan bersama, pemimpin industri berkenaan menyuarakan kebimbangan terhadap kenaikan harga diesel daripada RM2.15 kepada RM4.37 seliter yang dijadual berkuat kuasa pada Julai ini, sambil menyatakan bahawa pengusaha pengangkutan pelancongan di seluruh negara akan menerima kesan besar daripada langkah terbabit.

Walaupun mengiktiraf usaha Kerajaan memperluaskan subsidi bersasar kepada sektor tertentu, mereka melahirkan rasa kecewa kerana penyedia pengangkutan pelancongan termasuk bas persiaran, van pelancong dan pengusaha bot tidak disenaraikan di bawah skim SKDS.

Mereka menegaskan bahawa pengangkutan pelancongan merupakan tulang belakang industri kerana memastikan pergerakan lancar pelancong domestik dan antarabangsa ke pelbagai destinasi di seluruh Sabah.

"Pengecualian sektor ini daripada subsidi bahan api memberi tekanan kewangan yang amat besar kepada pengusaha yang sebahagian besarnya masih dalam proses pemulihan daripada kesan jangka panjang pandemik Covid-19," kata mereka.

Pemimpin industri turut menjelaskan bahawa masa pelaksanaan kenaikan harga diesel itu menimbulkan cabaran tambahan kerana sebahagian besar tempahan bagi Julai, Ogos serta musim cuti persekolahan November dan Disember telah dibuat dan dibayar lebih awal berdasarkan kos bahan api sebelum ini.

Akibatnya, ramai pengusaha pelancongan kini terpaksa menanggung sendiri peningkatan kos bahan api yang tidak dirancang kerana kos tambahan tidak boleh dikenakan semula kepada pelanggan.

Menurut mereka, keadaan itu menyebabkan banyak syarikat beroperasi dengan margin keuntungan yang semakin kecil, malah ada yang berisiko mengalami kerugian.

Persatuan-persatuan itu menegaskan bahawa kesan kenaikan harga diesel di Sabah jauh lebih besar berbanding negeri lain disebabkan beberapa faktor struktur yang unik.

Tidak seperti Semenanjung Malaysia yang mempunyai sistem pengangkutan awam lebih pelbagai seperti MRT, LRT dan KTM, pergerakan pelancong di Sabah hampir sepenuhnya bergantung kepada pengangkutan jalan raya, menjadikan bas dan van pelancongan sebagai keperluan utama bukannya pilihan.

Mereka turut memaklumkan bahawa kos penyelenggaraan kenderaan, pembaikan serta alat ganti di Sabah jauh lebih tinggi akibat kekangan logistik, rantaian bekalan yang terhad dan cabaran geografi.

Selain itu, sektor pelancongan Sabah amat bergantung kepada ketibaan pelancong melalui udara, berbeza dengan destinasi di Semenanjung Malaysia yang mempunyai pelbagai pintu masuk melalui darat, laut dan udara. Justeru, daya saing dari segi kos amat penting bagi industri pelancongan negeri ini.

Mengambil kira hakikat itu, persatuan berkenaan berkata setiap keputusan dasar perlu mengambil kira perbezaan antara wilayah supaya Sabah tidak terus berada dalam kedudukan yang kurang menguntungkan dari segi struktur.

Mereka menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memasukkan pengusaha pengangkutan pelancongan ke dalam skim SKDS serta menyediakan subsidi diesel bersasar kepada kenderaan pelancongan berlesen termasuk bas, van dan bot yang menjadi sebahagian penting daripada rantaian bekalan industri pelancongan.

Menyedari bahawa penyertaan segera di bawah program subsidi mungkin sukar dilaksanakan, industri turut mencadangkan beberapa langkah alternatif, termasuk menangguhkan pelaksanaan kenaikan harga diesel bagi sektor pelancongan bagi memberi masa kepada pengusaha menyemak semula struktur harga dan memenuhi tempahan sedia ada.

Cadangan lain ialah memperkenalkan mekanisme subsidi separa kepada penyedia pengangkutan pelancongan berlesen bagi mengurangkan beban kewangan yang ditanggung pengusaha.

Persatuan itu turut menggesa Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing serta Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Datuk Jafry Ariffin campur tangan bagi membantu industri ketika tempoh yang disifatkan sebagai amat kritikal.

Mereka berkata sokongan sedemikian amat penting ketika Malaysia melaksanakan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan bersiap sedia menghadapi Tahun Melawat Sabah 2027, yang dijangka memainkan peranan besar dalam merangsang pertumbuhan ekonomi menerusi sektor pelancongan.

Mereka memberi amaran bahawa kegagalan memperluaskan subsidi bahan api kepada sektor pengangkutan pelancongan boleh menyebabkan harga pakej pelancongan meningkat, daya saing berbanding destinasi serantau seperti Thailand, Indonesia dan Vietnam merosot, jumlah ketibaan pelancong berkurangan, penutupan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pelancongan, kehilangan pekerjaan serta kemerosotan pengalaman pelawat secara keseluruhan.

Menurut mereka, semua kesan itu akhirnya boleh menjejaskan kejayaan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan Tahun Melawat Sabah 2027.

"Pelancongan bukan sekadar industri perkhidmatan malah merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia yang menyokong ribuan peluang pekerjaan dan mempromosikan negara di peringkat global.

"Kami menggesa Kerajaan bertindak segera dan secara inklusif dengan mengiktiraf pengangkutan pelancongan sebagai sektor penting yang layak menerima subsidi diesel di bawah skim SKDS. Campur tangan tepat pada masanya bukan sahaja dapat melindungi pemain industri, malah memastikan Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelancongan yang berdaya saing dan menarik di rantau ini khususnya Sabah yang infrastruktur pelancongannya amat bergantung kepada rangkaian pengangkutan yang sensitif terhadap kos," kata mereka.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 25/6/2026

M/SURAT: 4

# Penduduk perlu hantar pemohonan pembelian diesel bersubsidi melalui Pejabat Residen, LSS

**KUCHING:** Penduduk di kawasan pedalaman dan rumah panjang perlu menghantar pemohonan pembelian diesel melalui Pejabat Residen dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS) untuk harga bahan api bersubsidi mereka.

Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, kedua-dua pihak itu antara mekanisme Kementerian Kewangan (MOF) mengenal pasti individu yang dibenarkan bagi mewakili komuniti di luar bandar untuk mendapatkan harga bahan bakar bersubsidi mereka.

"Kita yakin penduduk di kawasan pedalaman dan rumah panjang yang bergantung kepada set jana kuasa elektrik serta pengangkutan sungai boleh menarik nafas lega apabila kerajaan mengumumkan mekanisme pembelian diesel bersubsidi melalui wakil yang dilantik.

Beliau berkata demikian semasa sesi Taklimat Media berkenaan Pelaksanaan Pembaharuan Penyasaran Subsidi Diesel di sebuah hotel di Kuching semalam.

Hadir sama pada sesi taklimat itu ialah Menteri Kerja Raya Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak Matthew Dominic Barin.

Langkah itu jelas Amir Hamzah, diambil bagi menyelesaikan isu penduduk pedalaman yang memerlukan bahan api berkenaan tetapi tidak mempunyai lesen memandu untuk memohon subsidi secara individu.

"Mereka akan bagi kepada Kementerian Kewangan senarai nama dan kita akan aktifkan MyKad mereka

"Kalau kuota tak cukup, mereka boleh tunjuk bukti penggunaan dan berbincang dengan kerajaan negeri dan pusat untuk membeli diesel pada harga subsidi," katanya.



**PENERANGAN PENUH:** Amir Hamzah dan Nanta pada sidang media berkenaan Pelaksanaan Pembaharuan Penyasaran Subsidi Diesel di sebuah hotel di Kuching semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 25/6/2026

M/SURAT: 2

# Masukkan sektor pengangkutan pelancongan Sabah dalam SKDS

Oleh Siti Aisyah Narudin

**KOTA KINABALU:** Pemain industri pelancongan Sabah menggesa kerajaan agar memasukkan pengusaha sektor pengangkutan pelancongan sebagai penerima subsidi bersasar di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Penggiat industri pelancongan Sabah yang diwakili oleh pemegang taruh utama termasuk Persatuan Pelancongan Sabah (STA), Persekutuan Pelancongan Sabah (STF), Sabah Enhanced Travel Innovation Association (SETIA) dan Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Sabah (SATTA) menggesa perkara itu dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, cadangan agar memasukkan pengusaha pengangkutan pelancongan di bawah skim subsidi SKDS adalah bagi memastikan sokongan yang adil dan saksama kepada semua sektor ekonomi utama.

Ini kerana, kenderaan pelancongan berlesen termasuk bas, van dan bot adalah komponen penting dalam rantaian bekalan industri pelancongan.

Pihak industri pelancongan Sabah bimbang dengan kenaikan harga diesel pada Julai ini daripada RM2.15 kepada RM4.37 seliter yang pastinya memberi kesan besar kepada pengusaha pengangkutan pelancongan di seluruh negara.

"Pengangkutan pelancongan merupakan tulang belakang penting kepada industri ini kerana ia memastikan pergerakan pelancong domestik dan antarabangsa ke pelbagai destinasi dapat dilaksanakan dengan lancar.

"Pengecualian sektor ini daripada subsidi bahan api meletakkan tekanan kewangan yang amat besar kepada para pengusaha yang kebanyakannya masih berusaha untuk pulih daripada kesan jangka panjang akibat pandemik COVID-19.

"Cabaran ini diburukkan lagi oleh pelaksanaan mendadak kenaikan harga diesel yang menyebabkan ramai pengusaha pelancongan dan penyedia pengangkutan tidak bersedia untuk menanggung peningkatan kos berkenaan," kata kenyataan itu.

Selain itu, sebahagian besar tempahan bagi bulan Julai, Ogos serta musim cuti persekolahan November dan Disember yang akan datang telah pun diterima dan dibayar lebih awal, dengan kadar harga yang dikira berdasarkan harga diesel sebelum ini.

Akibatnya, pengusaha pelancongan di Sabah kini terpaksa menanggung peningkatan kos bahan api yang ketara dan tidak dijangka kerana kos tambahan itu tidak boleh dikenakan semula kepada pelanggan secara retroaktif.

Keadaan itu turut menjadikan banyak perniagaan dalam kedudukan kewangan yang tidak stabil, dengan sebahagiannya terpaksa beroperasi pada margin keuntungan yang lebih rendah atau bahkan mengalami kerugian.

"Sehubungan itu, kami dengan penuh hormat menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta kerajaan untuk menangguhkan pelaksanaan pelarasan harga diesel bagi sektor pelancongan untuk memberi ruang kepada pengusaha menyesuaikan struktur harga serta memenuhi komitmen tempahan sedia ada.

"Kerajaan juga perlu memperkenalkan mekanisme subsidi separa kepada penyedia perkhidmatan pengangkutan pelancongan berlesen bagi mengurangkan kesan kewangan yang perlu ditanggung dalam tempoh terdekat.

"Langkah-langkah ini merupakan alternatif yang realistik sekiranya penyertaan penuh sektor pelancongan di bawah skim SKDS tidak dapat dilaksanakan dalam masa terdekat," kata kenyataan itu.

Dalam pada itu, para pengusaha pelancongan Sabah turut menyeru Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Datuk Seri Tiong King Sing, serta Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Jafry Ariffin supaya campur tangan dan memberikan sokongan kepada industri dalam tempoh yang mencabar ini.

Sokongan kedua-dua pemimpin itu amat penting ketika Malaysia sedang melaksanakan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan membuat persiapan ke arah Tahun Melawat Sabah 2027, iaitu inisiatif utama untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan negeri melalui sektor pelancongan.

Pelancongan bukan sekadar industri perkhidmatan, malah merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia dengan menyokong ribuan peluang pekerjaan serta mempromosikan negara di peringkat antarabangsa.

Kelestarian sektor ini amat bergantung kepada keupayaan dan daya tahan rangkaian pengangkutannya.

"Kami menggesa kerajaan agar mengambil tindakan segera dan inklusif dengan mengiktiraf pengangkutan pelancongan sebagai sektor penting yang wajar menerima subsidi diesel di bawah skim SKDS.

"Campur tangan yang tepat pada masanya bukan sahaja dapat melindungi pemain industri, malah memastikan Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelancongan yang kompetitif dan menarik di rantau ini, khususnya Sabah yang banyak bergantung kepada rangkaian pengangkutan yang sensitif terhadap peningkatan kos operasi," menurut kenyataan itu.



From right are Tonny, Melanie, Christina and Justin representing Sabah tourism industry associations.

# Include SKDS in tourism transportation

By PAUL MU

**KOTA KINABALU: Sabah tourism industry players have urged the Federal Government to recognise tourism transportation as an essential sector eligible for diesel subsidies under the Subsidised Diesel Control System (SKDS).**

The call follows the government's move to increase diesel prices from RM2.15 to RM4.37 per litre next month, a move they said would significantly affect tourism transportation operators nationwide.

Sabah Tourism Federation (STF) president Tonny Chew, Sabah Tourist Association (STA) chairman Melanie Chu, Sabah Enhanced Travel Innovation Association (SETIA) chairman Christina Wahida Kong and Sabah Association of Tour and Travel Agents (SATTA) chairman Justin Chong made the appeal in a joint statement.

"Timely intervention will not only safeguard industry players but also ensure that Malaysia remains a competitive and attractive destination in the regional tourism landscape, particularly in Sabah, where tourism infrastructure relies heavily on cost-sensitive transportation networks," the statement said.

They warned that failure to extend fuel subsidies to the tourism transportation sector would result in serious consequences, including higher tour package prices and reduced competitiveness against neighbouring destinations such as Thailand, Indonesia and Vietnam.

This, they said, could lead to a decline in tourist arrivals, particularly from price-sensitive markets, as well as the closure of small and medium-sized tourism operators, especially in rural and island destinations.

Many workers across the tourism value chain, including drivers, tour guides and service providers, could lose their jobs, they added.

They also warned of a reduction in the quality of tourist experiences as operators are forced to cut costs to remain viable.

"It will have an adverse impact on national tourism targets and jeopardise the success of Visit Malaysia Year 2026 and Visit Sabah Year 2027," they said.

Tourism, they said, is not merely a service industry but a major contributor to Malaysia's economy, supporting thousands of livelihoods and promoting the nation on the global stage.

"The sustainability of this sector depends heavily on the viability of its transportation network," they added.

They noted that many operators are still recovering from the long-term effects of the Covid-19 pandemic and that the sudden implementation of the diesel price increase has caught many tour operators and transport providers off guard.

"This is because a significant volume of bookings for July, August and the upcoming November-December school holiday season had already been secured and paid for in advance, with pricing calculated based on the previous diesel rate," they said.

As a result, tourism operators in Sabah are now forced to absorb substantial and unplanned fuel cost increases, as these additional charges cannot be passed on retrospectively to customers.

To ensure fair and equitable support across key economic sectors, they called on the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) to include tourism transportation operators under the SKDS subsidy scheme.

This would provide targeted diesel subsidies for licensed tourism vehicles, including buses, vans and boats that are integral to the tourism supply chain, they said.

They also urged the government to postpone the implementation of diesel price adjustments for the tourism sector, allowing operators time to adjust pricing structures and honour existing bookings.

In addition, they proposed the introduction of a partial subsidy mechanism for licensed tourism transportation providers to reduce the immediate financial impact.

They also urged Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Tiong King Sing and Sabah Tourism, Culture and Environment Minister Datuk Jafry Ariffin to intervene and support the industry during this critical period.

"Their leadership is especially vital as Malaysia advances through Visit Malaysia Year 2026 and prepares for Visit Sabah Year 2027, both of which are key tourism initiatives aimed at boosting national and state economic growth," they said.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 2

# Sabah tourism players appeal for diesel subsidies

KOTA KINABALU: Sabah tourism players called on the Government to recognise tourism transportation as an essential sector eligible for diesel subsidies under the Subsidised Diesel Control System (SKDS), warning that the impending diesel price increase could have serious consequences for tourism businesses and the State's competitiveness as a destination.

The appeal was made jointly by Sabah Tourism Federation (STF) President Tonny Chew, Sabah Tourist Association (STA) Chairwoman Melanie Chu, Sabah Enhanced Travel Innovation Association (Setia) Chairwoman Christina Wahida Kong and Sabah Association of Tour and Travel Agents (Satta) Chairman Justin Chong.

In a joint statement, the industry leaders expressed deep concern over the increase in diesel prices from RM2.15 to RM4.37 per litre scheduled to take effect in July, noting that tourism transportation operators nationwide have been significantly affected by the move.

While acknowledging the Government's efforts to extend targeted subsidies to selected sectors, they said it was disappointing that tourism transportation providers, including tour buses, vans and boat operators, have not been included under the SKDS scheme.

They stressed that tourism transportation forms a critical backbone of the industry, enabling the seamless movement of both domestic and international visitors across destinations throughout Sabah.

"The exclusion of this sector from fuel subsidies places immense financial pressure on operators, many of whom are still recovering from the long-term effects of the Covid-19 pandemic," they said.

The industry leaders also pointed out that the timing of the diesel price increase has created additional challenges, as a substantial number of bookings for July, August and the upcoming November-December school holiday season had already been secured and paid for in advance based on previous fuel costs.

As a result, many tourism operators are now forced to absorb significant and unplanned increases in fuel expenditure, as these additional costs cannot be retrospectively passed on to customers.

According to them, this has left numerous businesses operating on reduced margins, with some potentially facing losses.

The associations emphasised that the impact of higher diesel prices is disproportionately severe in Sabah due to several structural factors unique to the State.

Unlike Peninsular Malaysia, which benefits from diversified public transportation systems such as MRT, LRT and KTM services, tourism movement in Sabah relies almost entirely on road transportation, making tour buses and vans essential rather than optional.

They also highlighted that vehicle maintenance, repairs and spare parts are considerably more expensive in Sabah due to logistical constraints, limited supply chains and geographical challenges.

In addition, Sabah's tourism sector depends heavily on air arrivals, unlike destinations in Peninsular Malaysia that benefit from multiple entry points by land, sea and air. This makes cost competitiveness particularly important for the State's tourism industry.

Given these realities, the associations said policy decisions should take regional differences into account to ensure Sabah is not placed at a structural disadvantage.

They urged the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) to include tourism transportation operators under the SKDS scheme and provide targeted diesel subsidies for licensed tourism vehicles, including buses, vans and boats that are integral to the tourism supply chain.

Recognising that immediate inclusion under the subsidy programme may not be feasible, the industry also proposed alternative measures, including postponing the diesel price adjustment for the tourism sector to allow operators time to revise pricing structures and honour existing bookings.

Another proposal is the introduction of a partial subsidy mechanism for licensed tourism transportation providers to help reduce the immediate financial burden on operators.

The associations further called on Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Tiong King Sing and Sabah Tourism, Culture and Environment Minister Datuk Jafry Ariffin to intervene and support the industry during what they described as a critical period.

They noted that such support is particularly important as Malaysia advances through Visit Malaysia Year 2026 and prepares for Visit Sabah Year 2027, both of which are expected to play a major role in stimulating economic growth through tourism.

They warned that failure to extend fuel subsidies to the tourism transportation sector could result in higher tour package prices, reduced competitiveness against regional destinations such as Thailand, Indonesia and Vietnam, declining visitor arrivals, the closure of small and medium-sized tourism businesses, job losses and a deterioration in the overall visitor experience.

The industry leaders said these outcomes could ultimately undermine the success of both Visit Malaysia Year 2026 and Visit Sabah Year 2027.

"Tourism is not merely a service industry; it is a major contributor to Malaysia's economy, supporting thousands of livelihoods and promoting the nation on the global stage.

"We strongly urge the Government to act swiftly and inclusively by recognising tourism transportation as an essential sector deserving of diesel subsidies under the SKDS scheme. Timely intervention will not only safeguard industry players but also ensure that Malaysia remains a competitive and attractive destination in the regional tourism landscape, particularly in Sabah, where tourism infrastructure relies heavily on cost-sensitive transportation networks," they said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995
HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 11

# Sabah Pakatan calls for strict monitoring of subsidised diesel sales

**KOTA KINABALU: Pakatan Harapan (PH) Sabah has urged the government to ensure that the implementation of Budi Madani Diesel in Sabah is transparent, fair and does not burden the people.**

PH Sabah information chief Datuk Chan Foong Hin said in principle, the coalition supports subsidy reform efforts through a more targeted, transparent approach that can reduce leakage, thus ensuring that government assistance is enjoyed by those who truly deserve it.

"We welcome the implementation of Diesel Budi Madani which will reduce the price of subsidised diesel to RM2.10 per litre nationwide through the use of MyKad starting July 1, but the government needs to ensure that its implementation in Sabah is transparent, fair and does not burden the people," he said in a statement here yesterday.

He said the subsidy savings obtained also need to be returned to the people in the form of targeted assistance, cost of living protection and improvements to public services.

"In this regard, the success of the implementation of this policy cannot be measured solely through the standardisation of the system, but must be assessed based on the actual impact on the lives of the people of Sabah and how it can be adjusted to alleviate the livelihood challenges of the community here.



*Chan said the subsidy savings obtained also need to be returned to the people in the form of targeted assistance.*

"The people of Sabah are highly dependent on long-distance land transportation, inter-district logistics, the use of private diesel vehicles, river boats and the use of generators in the interior," he said in a statement yesterday.

Chan said PH Sabah also appreciated the active involvement of Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali who co-led the information session on the implementation of the policy.

According to him, as a representative from Sabah who understands the economic and geographical realities of the state which are different from the Peninsula, Armizan's role is important in ensuring that the implementation of targeted subsidies can balance fiscal considerations in addition to protecting the interests of consumers and price stability in Sabah.

In this regard, he urged that several matters be given serious attention to ensure that the implementation of the policy runs smoothly.

He said that the expansion of the Subsidised Diesel Control System (SKDS) led by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) needs to be closely monitored so that there are no supply disruptions or delays in the registration process that could affect consumers and traders.

In addition, he said the quota increase mechanism for diesel users in rural and inland areas needs to be implemented flexibly in a people-friendly manner since consumption patterns in Sabah are different and involve longer journeys.

Chan also urged the KPDN together with relevant agencies to intensify monitoring and enforcement to ensure that no party takes advantage of the change in the subsidy mechanism as an excuse to raise the price of goods or transport charges unreasonably.

He also stressed the importance of strengthening channels for assistance and complaints, including in rural areas, so that the people do not face difficulties in accessing the new system that has been introduced.

Meanwhile, Chan said PH Sabah welcomed the government's decision to maintain subsidies for strategic sectors such as fishermen, small farmers and public transport, in addition to expanding access to river boat operators and generator users in the interior.

"Subsidy reform is not just about fiscal savings. It must be an instrument to build a fairer system, reduce leakages and at the same time safeguard the welfare of the people, especially the people of Sabah who have their own needs and challenges," he said.

He said PH Sabah would continue to play a constructive role with the Madani Government to ensure that the implementation of the policy truly benefits the people without leaving anyone behind. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 4

# Kawalan sempadan diperketat kekang penyeludupan diesel

## Kekang penyeludupan ke negara jiran susulan harga pasaran tanpa subsidi di Malaysia masih dianggap kompetitif

Oleh Frankie Junau

**KUCHING: Kerajaan memperketat kawalan sempadan bagi mengekang aktiviti penyeludupan diesel ke negara jiran termasuk Indonesia dan Thailand susulan harga pasaran tanpa subsidi di Malaysia yang masih dianggap kompetitif.**

Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menjelaskan bahawa langkah pengapungan harga diesel secara tidak langsung bertindak sebagai pelindung fiskal negara daripada terus dieksploitasi oleh pihak luar.

"Disiplin terbaik adalah memastikan subsidi tidak tiris kepada golongan yang tidak berhak... melalui mekanisme pengapungan harga diesel, kenderaan asing yang mengisi bahan api di dalam negara tidak lagi menikmati subsidi kita kerana mereka membeli pada harga pasaran.

"Bagi RON95 pula, sekatan sedia ada kekal di mana kenderaan asing dilarang membeli minyak bersubsidi tersebut dan hanya dibenarkan mengisi RON97," katanya selepas sesi Taklimat Media berkenaan Pelaksanaan Pembaharuan Penyasaran Subsidi Diesel di sebuah hotel di Kuching semalam.

Hadir sama pada sesi taklimat itu ialah Menteri Kerja Raya Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak Matthew Dominic Barin.

Menurut beliau, operasi penguatkuasaan bersepadu kini dipertingkatkan bagi membendung sebarang aktiviti ketirisan di kawasan sempadan negara.

Langkah agresif itu melibatkan kerjasama antara KPDN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Pasukan Polis Marin (PPM).

Terdahulu, harga diesel bersubsidi untuk rakyat Malaysia akan diturunkan kepada RM2.10 seliter mulai Julai depan.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada satu majlis di Bintulu baru-baru ini dengan penurunan harga akan dilaksanakan menerusi pembaharuan penyasaran subsidi diesel yang seragam seluruh negara menggunakan mekanisme berasaskan MyKad seperti dilaksanakan melalui program BUDI MADANI RON95 (BUDI95).

Kementerian Kewangan melalui kenyataan media memaklumkan, melalui pembaharuan ini rakyat Malaysia akan menikmati harga yang sama dan cara yang sama di seluruh negara termasuk di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Subsidi diesel akan disalurkan terus kepada rakyat Malaysia melalui pengesahan MyKad manakala bukan warganegara dan pihak yang tidak layak perlu membeli diesel pada harga tanpa subsidi.




KAWAL KETAT: Amir Hamzah semasa sesi Taklimat Media yang diadakan di sebuah hotel di Kuching semalam. — Gambar Chimon Upon

> "Disiplin terbaik adalah memastikan subsidi tidak tiris kepada golongan yang tidak berhak... melalui mekanisme pengapungan harga diesel, kenderaan asing yang mengisi bahan api di dalam negara tidak lagi menikmati subsidi kita kerana mereka membeli pada harga pasaran."
>
> Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
> Menteri Kewangan II

NOT FOR SALE
theborneopost#digipapers.my
PERSONAL COPY

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 4

# Penyelarasan subsidi diesel belum beri impak boleh jejaskan projek pembinaan

KUCHING: Kementerian Kerja Raya (KKR) menegaskan bahawa pelaksanaan penyelarasan subsidi diesel setakat ini belum memberikan impak ketara yang boleh menjejaskan atau menghentikan projek-projek pembinaan yang sedang berjalan.

Menterinya Dato Sri Alexander Nanta Linggi memaklumkan semua projek yang telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada pihak kontraktor akan diteruskan seperti biasa kerana peningkatan kos masih berada pada tahap yang boleh diserap melalui ruang kontrak sedia ada.

"Kita tidak menafikan memang ada kesan kenaikan harga.

"Bagaimanapun dalam pemerhatian kami, kenaikan itu belumlah sampai ke tahap ketara sehingga kontrak atau projek tersebut tidak boleh dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas dakwaan pihak tertentu mengenai isu penangguhan lebih 100 projek pembinaan susulan implikasi pelarasan harga bahan api terutama diesel mulai 1 Julai depan.

Mengulas lanjut, Nanta menjelaskan hasil pemantauan kementerian mendapati peningkatan kos yang berlaku ketika ini tidak melibatkan harga bahan mentah utama secara langsung, sebaliknya dipengaruhi oleh faktor rantaian pembekalan.

"Ada yang mengatakan harga simen naik. Sebenarnya harga simen tidak naik begitu banyak. Yang meningkat ialah kos logistik.

"Begitu juga dengan agregat dan bahan-bahan binaan lain... yang meningkat ialah kos pengangkutan atau logistik," jelas beliau.

Menurutnya, KKR kini sedang mengadakan libat urus bersama Kementerian Kewangan (MOF) bagi memantau rapat situasi berkenaan dan buat masa ini, kerajaan belum melihat keperluan untuk mengambil sebarang langkah intervensi drastik memandangkan industri masih mampu menampung kos tersebut.

Turut serta dalam Taklimat Media berkenaan Pelaksanaan Pembaharuan Penyasaran Subsidi Diesel itu ialah Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan serta Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak Matthew Dominic Barin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS
HARI: KHAMIS
TARIKH: 25/6/2026
M/SURAT: 5

# 拉斯迪：農漁民限買柴油
# 可上網申請增配額

（北海24日讯）针对农民及渔民面对一次只能购买20公升柴油的限制问题，槟州农业技术、粮食安全及企业发展委员会主席拿督拉斯迪说，农民可上网向国内贸易及生活成本部申请特别准证（Permit Khas），以获得每日高达200公升的农业用途柴油配额，从而满足农耕作业需求。

“不过，目前农业机械操作员并不符合柴油补贴资格，槟州农业局已拟定建议书提呈农业及粮食安全部，以向财政部进一步探讨此课题，希望能够协助业者减轻营运负担。”

他是在槟州第15届第4季第1次立法议会，代表槟首长曹观友，书面回答土团党直落斗哇区州议员阿兹米阿朗的提问时，这么指出。

他说，政府继续推行渔民汽油与柴油补贴计划，符合资格的渔民可享有每公升1令吉65仙的补贴柴油及汽油价格，以缓解燃油成本上涨带来的压力。

他透露，根据2026年获批数据，槟州共有1309艘A区渔船获得汽油补贴、100艘获得柴油补贴；B区渔船则有17艘获得柴油补贴；C区渔船有51艘获得柴油补贴。

他指出，政府也根据渔船引擎马力设定每日补贴燃油配额，其中10匹马力以上渔船每日可获15公升燃油配额；20匹马力以上为25公升；30匹马力以上35公升；40匹马力以上45公升；50匹马力以上50公升。


■拉斯迪

“该补贴计划不仅协助渔民降低捕鱼作业成本，也鼓励渔民持续出海捕鱼，确保国内鲜鱼供应稳定，避免因供应不足而推高鱼价。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 25 JUN 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 25-Jun | SKDS: Syarikat boleh tuntut bayaran balik diesel mulai 1 Julai jika belum terima kad fleet | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/skds-syarikat-boleh-tuntut-bayaran-balik-diesel-mulai-1-julai-jika-belum-terima-kad-fleet/ | RTM |
| 25-Jun | Syarikat pengangkutan di Sabah, Sarawak dan Labuan boleh tuntut bayaran balik diesel | https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2026/06/1576905/syarikat-pengangkutan-di-sabah-sarawak-dan-labuan- | BERITA HARIAN |
| 25-Jun | Syarikat belum terima fleet card SKDS boleh tuntut bayaran balik diesel | https://sabahmedia.com/2026/06/24/syarikat-belum-terima-fleet-card-skds-boleh-tuntut- | SABAH MEDIA |
| 25-Jun | Syarikat Sabah, Sarawak dan Labuan boleh tuntut perbezaan harga diesel | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/syarikat-sabah-sarawak-labuan-boleh-tuntut-perbezaan- | UTUSAN |
| 25-Jun | Tuntutan balik diesel dibuka - Armizan | https://wartaoriental.com/2026/06/24/tuntutan-balik-diesel-dibuka- | WARTA ORIENTAL |
| 25-Jun | Diesel reimbursement claims open for transport companies awaiting fleet cards | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2026/06/24/diesel-reimbursement-claims-open-for-transport-companies-awaiting-fleet-cards | FMT |
| 25-Jun | Transport companies awaiting fleet cards allowed to apply for diesel reimbursement claims from July 1 | https://theedgemalaysia.com/node/808067 | THE EDGE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Jun | Transport firms without fleet cards can claim diesel cash reimbursement, Dewan Rakyat told | https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/06/24/transport-firms-without-fleet-cards-can-claim-diesel-cash-reimbursement-dewan-rakyat-told | THE STAR |
| 25-Jun | SKDS allows cash diesel claims from July 1 for transport firms awaiting fleet cards | https://dayakdaily.com/skds-allows-cash-diesel-claims-from-july-1-for-transport-firms-awaiting-fleet-cards/ | DAYAK DAILY |
| 25-Jun | KPDN opens diesel reimbursement claims from July 1 for transport companies awaiting fleet cards | https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kpdn-opens-diesel-reimbursement-claims-from-july-1-for-transport-companies-awaiting-fleet-cards/ | THE SUN |
| 25-Jun | Companies that have not yet received the SKDS fleet card can claim a diesel refund | https://jesselton-times.com/2026/06/24/companies-that-have-not-yet-received-the-skds-fleet-card-can-claim-a-diesel-refund/ | JESSELTON TIMES |
| 25-Jun | 8445 syarikat, 30,557 kenderaan di Sabah, Sarawak dan WP Labuan daftar SKDS setakat 22 Jun | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2572053 | BERNAMA |
| 25-Jun | Parlimen: Kajian MyCC dapati tiada perlakuan anti-persaingan dalam pasaran perumahan - Fuziah | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/parlimen-kajian-mycc-dapati-tiada-perlakuan-antipersaingan-dalam-pasaran-perumahan-fuziah | ASTRO AWANI |
| 25-Jun | Tiada bukti amalan anti-persaingan dalam pasaran perumahan negara | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tiada-bukti-amalan-anti-persaingan-dalam-pasaran-perumahan-negara/ | RTM |
| 25-Jun | Parlimen: Pindaan Akta bantu bendung amalan anti-persaingan umrah | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/parlimen-pindaan-akta-bantu-bendung-amalan-anti-persaingan-umrah/ | UTUSAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Jun | Competition Act amend-ments to be tabled next week to boost MyCC en-forcement powers | https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2026/06/24/competition-act-amendments-to-be-tabled-next-week-to-boost-mycc-enforcement-powers-says-deputy-minister/224945 | MALAYMAIL |
| 25-Jun | Parlimen: Tiada amalan anti-persaingan pasaran pe-rumahan | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/parlimen-tiada-amalan-anti-persaingan-pasaran- | UTUSAN |
| 25-Jun | MyCC teliti ekosistem indus-tri simen, harga pasaran ru-mah stabil | https://www.buletintv3.my/nasional/mycc-teliti-ekosistem-industri-simen-harga-pasaran-rumah-stabil/ | TV3 |
| 25-Jun | Dewan Rakyat: MyCC teliti industri simen, harga rumah kekal stabil | https://www.kosmo.com.my/2026/06/24/dewan-rakyat-mycc-teliti-industri-simen-harga- | KOSMO |
| 25-Jun | No anti-competitive practic-es in housing market, says Fuziah | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2026/06/24/no-anti-competitive-practices-in- | FMT |
| 25-Jun | Bacaan kedua pindaan Akta Persaingan dibentang minggu depan - Fuziah | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/06/24/bacaan-kedua-pindaan-akta-persaingan-dibentang- | FMT |
| 25-Jun | Competition Act amend-ments to be tabled next week to boost MyCC en-forcement powers, says deputy minister | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2026/06/24/competition-act-amendments-to-be-tabled-next-week-to-boost-mycc-enforcement-powers-says-deputy-minister/224945 | MALAYMAIL |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Jun | Premis jadi tumpuan warga asing, 30 dicekup imigresen | https://www.kosmo.com.my/2026/06/24/premis-jadi-tumpuan-warga-asing-30-dicekup- | KOSMO |
| 25-Jun | Ops Tiris 4.0: KPDN Semporna tumpas aktiviti penyelewengan minyak subsidi | https://malaysiagazette.com/2026/06/24/ops-tiris-4-0-kpdn-semporna-tumpas-aktiviti-penyelewengan-minyak- | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Jun | Ops Tiris 4.0: Lelaki tempatan ditahan disyaki miliki petrol dan diesel tanpa permit sah | https://sabahmedia.com/2026/06/24/ops-tiris-4-0-lelaki-tempatan-ditahan-disyaki-miliki-petrol-dan-diesel-tanpa-permit-sah/ | SABAH MEDIA |
| 25-Jun | Beli petrol sehari sekali elak dikesan, akhirnya kantoi menyeludup | https://www.sinarharian.com.my/article/785003/berita/semasa/beli-petrol-sehari-sekali-elak-dikesan-akhirnya-kantoi- | SINAR HARIAN |
| 25-Jun | 8,445 syarikat, 30,557 kenderaan di Sabah,Sarawak, WP Labuan daftar SKDS setakat 22 Jun | https://utusanmelayuplus.com/8445-syarikat-30557-kenderaan-di-sabahsarawak-wp-labuan- | UTUSAN |
| 25-Jun | KPDN Negeri Sembilan serbu stor LPG tidak berlesen, rampas 127 tong LPG | https://negerikita.org/kpdn-negeri-sembilan-serbu-stor-lpg-tidak-berlesen-rampas-127-tong-lpg/ | NEGERI KITA |
| 25-Jun | KPDN N.Sembilan Rampas 127 Tong LPG Dalam Ops Tiris | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2572668 | BERNAMA |
| 25-Jun | Suspek lari tinggalkan tong berisi 300 liter petrol dalam ladang sawit | https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/suspek-lari-tinggalkan-tong-berisi-300-liter-petrol-dalam-ladang-sawit/ | RTM |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Jun | MyCC ambil tindakan amalan anti-persaingan dalam pakej umrah | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1374383/mycc-ambil-tindakan-amalan-anti-persaingan- | HARIAN METRO |
| 25-Jun | Caj item ubat-ubatan dinaikkan sumbang peningkatan bayaran premium insurans kesihatan | https://malaysiagazette.com/2026/06/24/caj-item-ubat-ubatan-dinaikkan-sumbang-peningkatan-bayaran-premium-insurans- | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Jun | PAC Kemuka 17 Syor Tangani Kenaikan Premium Insurans, Kawal Caj Hospital Swasta | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2572482 | BERNAMA |
| 25-Jun | Konsep insurans kesihatan pinggir golongan rentan, wujud diskriminasi | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/06/1576970/konsep-insurans-kesihatan-pinggir-golongan-rentan- | BERITA HARIAN |
| 25-Jun | Insurans kesihatan swasta gagal jadi jaringan keselamatan sosial - PAC | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/insurans-kesihatan-swasta-gagal-jadi-jaringan-keselamatan- | UTUSAN |
| 25-Jun | PAC kemuka 17 syor tangani kenaikan premium insurans, kawal caj hospital swasta | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pac-kemuka-17-syor-tangani-kenaikan-premium-insurans-kawal-caj-hospital-swasta | ASTRO AWANI |
| 25-Jun | Kekang kartel ubat dan hospital swasta, PAC kemuka 17 syor | https://barangmurah.my/berita/kekang-kartel-ubat-dan-hospital-swasta-pac-kemuka-17-syor/ | BARANG MURAH |
| 25-Jun | Ops Tiris 4.0: KPDN Semporna tumpas aktiviti penyelewengan minyak subsidi | https://malaysiagazette.com/2026/06/24/ops-tiris-4-0-kpdn-semporna-tumpas-aktiviti-penyelewengan-minyak- | MALAYSIA GAZETTE |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Jun | KPDN Rampas Petrol, Diesel Bernilai Lebih RM30,000 Dalam Ops Tiris Di Semporna | https://siakapkeli.my/articles/kpdn-rampas-petrol-diesel-bernilai-lebih-rm30000-dalam-ops-tiris-di-semporna | SIAKAP KELI |
| 25-Jun | PPM Serah Rampasan Petrol Bernilai Lebih RM50,000 di Semporna – KPDN | https://sabahnews.com.my/ppm-serah-rampasan-petrol-bernilai-lebih-rm50000-di-semporna-kpdn/ | SABAH NEWS |
| 25-Jun | Tuntutan diesel SKDS dibuka mulai 1 Julai | https://www.tvsarawak.my/2026/06/24/tuntutan-diesel-skds- | TVS |
| 25-Jun | KPDN buka tuntutan balik diesel syarikat tanpa kad fleet | https://www.astroawani.com/video/kpdn-buka-tuntutan-balik-diesel-syarikat-tanpa-kad- | ASTRO AWANI |
| 25-Jun | Syarikat Belum Terima Fleet Card SKDS, Layak Tuntut Bayaran Balik Diesel Bermula 1 Julai – Armizan | https://sabahnews.com.my/syarikat-belum-terima-fleet-card-skds-layak-tuntut-bayaran-balik-diesel-bermula-1-julai-armizan/ | SABAH NEWS |
| 25-Jun | KPDN Opens Diesel Reimbursement Claims From July 1 For Transport Companies Awaiting Fleet Cards | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2572298 | BERNAMA |
| 25-Jun | Anti-Persaingan: MyCC buat kajian harga seluruh bahan binaan perumahan | https://www.astroawani.com/video/anti-persaingan-mycc-buat-kajian-harga-seluruh-bahan-binaan-perumahan | ASTRO AWANI |